

9 Jun 2010

## Tangkap dan Hukum Pedagang Manusia Masih Satu Kerja Sukar

Kemahiran penguatkuasaan undang-undang perlu diperbaiki lagi, kata pegawai A.S.

Oleh Jane Morse

Penulis Staf



Duta Besar Luis  
CdeBaca

Washington - Lebih 12 juta orang di seluruh dunia dijual sebagai buruh dan pekerja seks setiap tahun, mengikut anggaran Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Namun kurang daripada 3,000 sabitan jenayah dikenakan terhadap pedagang manusia telah dilaporkan pada tahun 2008.

Jika sebahagian besar masyarakat dunia mengutuk pemerdagangan manusia sebagai perhambaan moden, mengapa sedikit sahaja pesalah yang dihadapkan ke muka pengadilan?

Menurut Luis CdeBaca, perkara ini disebabkan sifat jenayah itu sendiri dan keperluan untuk membina kemahiran yang lebih baik dalam penguatkuasaan undang-undang.

Sebagai duta besar yang memantau dan membanteras pemerdagangan manusia di Jabatan Negara, CdeBaca menyelaras kegiatan kerajaan A.S. dalam perang global terhadap segala bentuk perhambaan moden. Beliau adalah bekas pendakwa raya pertama yang memegang jawatan tersebut di mana sebelum ini beliau bekerja di Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat sebagai salah seorang pendakwa raya persekutuan yang paling dihormati.

### SATU JENAYAH TERSEMBUNYI

Pemerdagangan manusia - tidak seperti jenayah merompak bank - ialah satu jenayah tersembunyi, CdeBaca memberitahu America.gov dalam satu wawancara baru-baru ini. "Pelaku jenayah ini pada dasarnya menyembunyikan seseorang di belakang pintu yang tertutup - memaksa mereka bekerja, memaksa mereka melacur," jelasnya. "Jadi, jika pedagang manusia tersebut melakukan kerja dengan baik, tidak seorang pun akan tahu tentang jenayah pemerdagangan mereka."

Laba yang dihasilkan daripada pemerdagangan manusia adalah sangat besar: lebih kurang \$31 bilion setahun mengikut anggaran ILO. Laba haram ini dinikmati oleh kumpulan-kumpulan jenayah terancang serta individu-individu, menurut CdeBaca.

“Salah satu perkara yang menyukarkan untuk merangka satu tindakbalas yang komprehensif untuk menghadapi pemerdagangan manusia adalah jenayah ini memanifestasikan dirinya dalam pelbagai cara,” kata CdeBaca. “Jika kamu cuma fikir ia sebagai masalah jenayah terancang yang melibat banyak negara, kamu akan hanya melihat kepada sindiket jenayah. Tapi itu tidak membawa kamu kepada dua orang mangsa yang ditahan di rumah ladang oleh seorang petani, atau seorang mangsa yang ditahan di rumah sebagai pembantu rumah.”

Memperhambakan orang lain, kata CdeBaca, adalah satu jenayah yang cukup mudah dilakukan. Beliau berkata di Amerika Syarikat “kami punya semua jenis manusia daripada ketua jenayah terancang kepada pasangan doktor di desa yang dihukum kerana jenayah ini. ... Bukan sahaja penjenayah yang melakukannya tetapi juga mereka yang biasanya tidak terlibat dalam kegiatan jenayah.”

Kebanyakan mangsa pemerdagangan manusia menyusup masuk ke dalam sebuah negara secara sah di bawah program pekerja tamu dan berakhir sebagai tahanan di bawah majikan yang menganiaya mereka. Perbezaan antara seorang pekerja yang diperlakukan dengan buruk dan mangsa pemerdagangan adalah mangsa pemerdagangan tidak mempunyai pilihan lain selain terpaksa bekerja untuk mengelakkan daripada ancaman dan bahaya, jelas CdeBaca.

#### KEPERLUAN KEPADA KEMAHIRAN YANG LEBIH BAIK DALAM PENGUATKUASAAN

Lebih separuh kerajaan-kerajaan di seluruh dunia telah meluluskan undang-undang yang mengharamkan pemerdagangan manusia. Meskipun begitu kebanyakan undang-undang ini masih baru.

“Bagi saya salah satu sebab mengapa tidak banyak pendakwaan seperti yang kita mahukan adalah kerana undang-undang ini sangat baru, dan set kemahiran untuk menemui mangsa dan membantu mereka ... masih sedang dibangunkan,” kata CdeBaca.

“Saya rasa mempunyai polis di jalanan itu penting, tapi akhirnya ini adalah satu jenayah kompleks yang perlu ditangani oleh detektif,” katanya. “Kita mesti mempunyai sistem pengawasan yang paling canggih untuk mengawal jenayah ini, jika tidak kita tidak akan dapat menghentikan jenayah ini.”

Tapi menyumbat penjenayah ke dalam penjara tidak akan menyelesaikan masalah bagi mangsa, CdeBaca berkata: memberi kaunseling kepada mangsa sangat penting.

Di Amerika Syarikat, pegawai penguatkuasa undang-undang mula menyedari bahawa hak-hak mangsa dan keperluan pendakwaan adalah sama penting, kata CdeBaca.

“Jika mangsa kamu takut, jika mangsa kamu masih mengalami trauma, jika mereka belum pernah mendapat kaunseling, jika mereka tidak mempercayai kamu, kamu tidak akan mempunyai saksi yang baik, dan kamu mungkin tidak dapat memenjarakan penjenayah,” kata CdeBaca.

Di kebanyakan tempat-tempat di dunia, penguatkuasaan undang-undang tidak dipercayai kerana polis juga melakukan pelanggaran hak asasi manusia, beliau mengakui. Meskipun demikian, secara keseluruhan keadaan ini bertambah baik.

“Perkara terbesar yang pernah saya lihat adalah peralihan daripada mempunyai standard hak asasi manusia yang diumumkan tapi tidak dilaksanakan kepada satu keadaan di mana kita mengharap, malah meminta, penguatkuasa undang-undang dan kerajaan tidak hanya menghukum orang, tetapi juga melindungi mangsa,” CdeBaca berkata. “Itu adalah peralihan budaya besar yang pernah saya lihat dalam 15 tahun kebelakangan ini, dan ia berlaku di beberapa tempat yang tidak disangka.”

Jabatan Negara mengeluarkan laporan tahunan mengenai pemerdagangan manusia. Laporan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran global mengenai pemerdagangan manusia, menyorot usaha-usaha memerangi pemerdagangan manusia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan menggalakkan kerajaan-kerajaan asing untuk mengambil tindakan terhadap segala bentuk perhambaan moden. Laporan pemerdagangan manusia 2010 dikeluarkan pada 14 Jun.